

**Perjuangan Perkukuh Parti Tidak Pernah Selesai, Kata Najib
Bernama
24 Julai, 2013**

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata UMNO perlu terus diperkukuh kerana perjuangan bagi memperkasa parti itu tidak akan pernah selesai.

Perdana Menteri berkata masih banyak cabaran yang perlu dilalui UMNO sebagai parti sandaran dan harapan kepada orang Melayu.

"Cabaran besar menanti kita. Perjuangan kita tiada kesudahan. Kita perlu perkukuhkan UMNO sebab UMNO parti sandaran, harapan kepada orang Melayu. Kestabilan negara kita bergantung pada kekuatan UMNO," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis berbuka puasa Perdana Menteri dan isteri bersama sahabat, ketua bahagian, Puteri, Pemuda dan Wanita UMNO di Seri Perdana di Putrajaya, Rabu malam.

Beliau juga berharap pemilihan UMNO yang bakal berlangsung kelak akan berjalan lancar.

Pada majlis yang sama Perdana Menteri juga menyambut ulang tahun ke-60 beliau dengan memotong pulut kuning bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan anggota keluarga.

Perdana Menteri turut menerima pelbagai jenis kek yang disumbangkan pelbagai pihak.

"Terima kasih kepada semua yang hadir khususnya kepada rangkaian sahabat zaman saya jadi ketua pemuda UMNO. Kini sama-sama sudah berumur dan bertemu sekurang-kurangnya setahun sekali sebagai satu perjumpaan sempena sambutan ulang tahun saya semalam.

"Umur saya tidak dirahsiakan dan sudah diketahui umum. Apa yang lebih bermakna persahabatan kita tidak pernah luntur dan masih kekal sehingga hari ini," kata beliau.

Pada majlis itu kira-kira 2,000 tetamu hadir termasuk kumpulan anak yatim yang menerima sumbangan daripada Perdana Menteri.

Beliau kemudiannya menunaikan solat tarawih bersama para tetamu.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965923>